

# CLC bukti Onn tidak anti bukan Melayu

**K**ONTRAK sosial antara kaum dinikmati rakyat Malaysia sejak setengah abad lalu, adalah hasil rundingan antara pemimpin semua kaum yang mengambil masa empat tahun menerusi Jawatankuasa Hubungan Kaum (CLC).

Perkara ini ditegaskan Dr Oong Hak Chin (**gambar**) dari Universiti Malaya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Datuk Onn Jaafar dan Isu Masyarakat Cina Dalam Pembinaan Negara bangsa Malaya 1948-1952'.

Dr Oong ketika menyampaikan kertas kerja itu juga bersetuju bahawa hasil positif menerusi CLC, mempercepatkan penjajah British

memberikan negara ini jalan menuju ke arah kemerdekaan.

Katanya, masalah konflik perkawanan diwarisi Malaysia sejak British menegakkan kawalan politik ke atas rantau ini dan menjadi lebih serius berikutan perubahan politik dan Perlembagaan di wilayah British selepas Perang Dunia Kedua.

"Pengenalan Malayan Union yang cuba mengubah negeri Melayu dan tanah air orang Melayu menjadi negeri untuk semua penduduk Tanah Melayu mendorong kepada perkembangan nasionalisme Melayu yang tiada hadnya.

"Datuk Onn muncul tepat pada zaman itu dengan memimpin masya-

rakat Melayu mempertahankan hak dan kedaulatan mereka sebagai pribumi dan ketuanan Melayu di tanah air pusaka mereka," katanya di sini, semalam.

Dr Oong berkata, kesanggupan Onn untuk terbabit dalam mesyuarat CLC yang turut disertai pemimpin Cina seperti Tan Cheng Lock, membuktikan Umno ketika itu terbuka untuk bekerjasama dengan kaum lain.

Beliau berkata, menerusi beberapa siri mesyuarat CLC, semua pemimpin kaum dapat berbincang dengan terbuka pelbagai persoalan membatinkan politik, ekonomi dan pendidikan.

Malah, katanya, mesyuarat pertama CLC berlangsung di rumah Onn di Johor Bahru pada 1948 dan mesyuarat kedua diadakan di sebuah kelab di Pulau Pinang anjuran masyarakat Cina negeri itu.

"Antara kejayaan dicapai dalam siri mesyuarat CLC adalah kenyataan bersama di Ipoh, Perak yang menyentuh hubungan dan kerjasama antara kaum," katanya.

Antara lain kenyataan itu menyebut bahawa Tanah Melayu mempunyai penduduk daripada beberapa kaum, tetapi orang Melayu mempunyai kedudukan istimewa kerana rantau ini adalah tanah air mereka sejak berabad lalu.

BH- 3/12/2006

